


Bersedia untuk mendaftar dan mengundi



**ELECTORAL
COMMISSION**
TE KAITIAKI TAKE KŌWHIRI

ROE47 A4 Malay 07/2024

Mengapa perlu mendaftar untuk mengundi?

Sekiranya anda mendaftar untuk mengundi, anda mempunyai hak untuk bersuara dalam pilihanraya umum, pilihanraya tempatan dan dalam pungutan suara. Pilihan raya adalah merupakan peluang untuk anda bersuara tentang pihak yang mewakili anda di Parlimen atau dalam majlis tempatan anda berkenaan isu-isu yang anda prihatin.

Anda boleh memastikan suara anda didengari dengan mendaftar sebagai pengundi.



Siapa yang boleh mendaftar dan mengundi?

Anda mestilah mendaftar sekiranya anda:

- berumur 18 tahun ke atas, dan
- merupakan warganegara New Zealand atau penduduk tetap New Zealand, dan
- telah tinggal di New Zealand selama lebih dari satu tahun berturut-turut pada satu-satu masa dalam hidup anda.

Sekiranya anda seorang warga Australia, Kepulauan Cook, Niue atau Tokelau, anda boleh mendaftar jika anda telah tinggal di New Zealand secara berterusan selama 12 bulan.

Sekiranya anda tinggal di luar negara, anda boleh mendaftar untuk mengundi jika anda:

- seorang warganegara New Zealand yang telah berada di New Zealand sepanjang tiga tahun yang lalu, atau
- seorang penduduk tetap New Zealand yang telah berada di New Zealand sepanjang 12 bulan yang lalu.

Untuk tujuan pilihan raya, penduduk tetap ialah seseorang yang berada di New Zealand secara sah di sisi undang-undang dan tidak perlu meninggalkan negara ini dalam tempoh waktu tertentu. Ini termasuklah seseorang yang memiliki visa penduduk.

Anda boleh mendaftar sebaik sahaja anda berusia 17 tahun. Apabila anda berusia 18 tahun, anda akan didaftarkan secara automatik dan bersedia untuk mengundi.



Mendaftar untuk mengundi jika anda berketurunan Māori

Sekiranya anda berketurunan Māori dan mendaftar buat pertama kali, anda boleh memilih senarai pengundi yang ingin anda sertai: senarai umum atau senarai Māori.

Sekiranya anda sudah mendaftar, anda boleh menukar senarai yang anda sertai pada bila-bila masa, melainkan:

- dalam tempoh 3 bulan sebelum pilihan raya umum atau pilihan raya tempatan
- pertukaran tersebut akan memindahkan anda ke kawasan undian sebelum satu pilihan raya kecil bakal diadakan.

Apakah maksud pilihan senarai bagi anda?

Pilihan anda mempengaruhi kawasan undian tempat anda boleh mengundi dan wakil yang boleh anda undi dalam pilihan raya umum dan pilihan raya tempatan.

Jika anda memilih senarai umum, anda akan mengundi calon dalam kawasan undian umum sewaktu pilihan raya umum. Jika anda memilih senarai Māori, anda akan mengundi calon dalam kawasan undian Māori.

Anda boleh mengundi untuk senarai parti politik yang sama dalam sesebuah pilihan raya umum, mengikut senarai mana yang anda sertai.

Senarai yang anda pilih boleh mempengaruhi calon yang boleh anda undi sewaktu pilihan raya tempatan. Jika anda berada dalam senarai Māori dan pihak berkuasa tempatan anda mempunyai daerah atau kawasan Māori, anda akan mengundi untuk calon di daerah atau kawasan Māori tersebut. Jika anda memilih senarai umum, anda akan mengundi calon di daerah atau kawasan umum.



Bimbang tentang keselamatan peribadi anda?

Sekiranya anda berasa bimbang tentang keselamatan peribadi anda atau keluarga anda, anda boleh memohon untuk berada dalam senarai daftar pemilih sulit yang tidak diterbitkan. Kami akan menyimpan butiran pendaftaran anda dengan selamat dan tidak akan menyebarkan butiran ini kepada sesiapa.

Layari **vote.nz** atau hubungi **0800 36 76 56** untuk maklumat lanjut dan untuk mendapatkan borang permohonan.



Bagaimanakah cara untuk mendaftar?

Anda boleh mendaftar atau mengemas kini butiran anda dengan mudah. Anda boleh:

- melayari **vote.nz** dan menggunakan lesen memandu New Zealand, pasport New Zealand atau identiti yang disahkan oleh RealMe untuk mendaftar dalam talian
- hubungi talian percuma **0800 36 76 56** dan meminta agar borang dihantarkan kepada anda.

Apabila anda mendaftar, nama anda akan berada dalam senarai daftar pemilih. Anda mestilah berada dalam senarai daftar pemilih untuk mengundi.

Anda perlu mengemas kini butiran anda setiap kali anda berpindah kediaman.



Perlukan bantuan untuk mendaftar?

Anda boleh meminta seseorang yang anda kenali, seperti rakan atau ahli keluarga untuk membantu anda melengkapkan borang pendaftaran anda, atau untuk melengkapkan borang untuk anda.

Anda perlu menandatangani borang tersebut.

Jika anda mengenali seseorang yang tidak boleh melengkapkan dan menandatangani borang pendaftaran ini disebabkan kekurangan upaya dari segi fizikal atau mental, anda juga boleh membantu.



Inginkan maklumat lanjut?

Untuk maklumat lanjut tentang pendaftaran dan pengundian:

- layari **vote.nz**
- hubungi **0800 36 76 56**

Maklumat mengenai pendaftaran dan mengundi boleh didapati dalam pelbagai bahasa dan format yang berlainan di **vote.nz**

